

APA ITU FCTC?

FCTC adalah singkatan untuk *Framework Convention on Tobacco Control* yang merupakan satu **rangka kerja perjanjian dalam kawalan tembakau secara global.**

Ia merupakan alat perundangan yang diasaskan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi menangani masalah penggunaan tembakau yang membimbangkan di seluruh dunia.

Malaysia telah menjadi negara perwakilan kepada FCTC pada November 2005. Sebagai negara anggota, Malaysia perlu mematuhi peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam FCTC.

38 artikel yang perlu di patuhi oleh negara anggota. **Artikel 6 hingga 14** adalah peruntukan yang telah di persetujui untuk pengurangan permintaan terhadap tembakau.